

1. Syamsul bertekad untuk \_\_\_\_\_ ibu bapanya yang telah banyak berkorban untuk \_\_\_\_\_ lama ini.

- ☐ A membela diri
- ☐ B mengubat hati
- ☐ C menabur bakti
- ☐ D membalas budi

2. Setelah beberapa bulan menjalani rawatan di hospital itu, akhirnya penyakit Shankar \_\_\_\_\_.

- ☐ A bersilih ganti
- ☐ B berganti tikar
- ☐ C beralih angin
- ☐ D beransur pulih

3. Tetamu-tetamu yang hadir ke \_\_\_\_\_ itu mematuhi etika pemakaian yang telah ditetapkan, iaitu memakai baju batik.

- ☐ A majlis rasmi
- ☐ B bengkel sulaman
- ☐ C ceramah motivasi
- ☐ D kursus kepimpinan

4. Majikan itu mengambil sikap \_\_\_\_\_ ketika menaikkan pangkat kepada para pekerjanya.

- ☐ A pilih kasih
- ☐ B curi tulang
- ☐ C gulung tikar
- ☐ D banyak mulut

5. Ayah memberikan \_\_\_\_\_ sebanyak RM400.00 sebulan kepada abang yang menuntut di kolej.

- ☐ A wang kecil
- ☐ B wang saku
- ☐ C wang hantaran
- ☐ D wang pendahuluan


6. Nazlin memasukkan \_\_\_\_\_ itu ke dalam tong kitar semula yang berwarna jingga.

- ☐ A botol kaca
- ☐ B kertas tisu
- ☐ C pasu bunga
- ☐ D botol plastik

7. Filem animasi dari Jepun itu telah \_\_\_\_\_ ke dalam bahasa Melayu.

- ☐ A diubah suai
- ☐ B dikemas kini
- ☐ C dialih bahasa
- ☐ D direka bentuk

8. Laporan \_\_\_\_\_ yang dikeluarkan oleh pihak hospital menunjukkan lelaki itu men \_\_\_\_\_ dunia akibat kegagalan jantung.



- ☐ A uji kaji
- ☐ B soal siasat
- ☐ C soal selidik
- ☐ D bedah siasat

9. Tarian piring merupakan \_\_\_\_\_ yang dipelopori oleh masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia.

- ☐ A seni tari
- ☐ B seni ukir
- ☐ C seni khat
- ☐ D seni lukis

10. Rahsia pasangan itu dapat mengekalkan perkahwinan mereka selama berpuluh-puluh tahun ialah mereka saling \_\_\_\_\_ dalam pelbagai perkara.

- ☐ A berhati waja
- ☐ B bertikam lidah
- ☐ C bertolak ansur
- ☐ D bercampur aduk

11. Mereka sedang \_\_\_\_\_ punca kemerosotan prestasi skuad badminton negara.

- ☐ A mencari gali
- ☐ B menyoal siasat
- ☐ C mengenal pasti
- ☐ D menambah baik

12. Fahmi menyelam ke dasar laut untuk melihat keindahan \_\_\_\_\_ dan hidupan laut.

- ☐ A batu karang
- ☐ B batu kapur
- ☐ C batu asah
- ☐ D batu kisar


13. Gadis yang \_\_\_\_\_ itu merupakan anak usahawan yang terkenal di negara ini.

- ☐ A cantik jelita
- ☐ B intan baiduri
- ☐ C tinggi rendah
- ☐ D gagah perkasa

14. Tugas sebagai \_\_\_\_\_ amat mencabar kerana terdedah kepada bahaya dan perlu bekerja di tempat yang tinggi.

- ☐ A kerani am
- ☐ B doktor pelatih
- ☐ C operator kren
- ☐ D pegawai pemasaran

15. Syarikat penerbitan buku itu akan menyaman individu-individu yang meniplak \_\_\_\_\_ syarikat berkenaan.



- ☐ A hak milik
- ☐ B hak cipta
- ☐ C hak asasi
- ☐ D hak mutlak

16. Motosikal besar yang ada di halaman rumah itu \_\_\_\_\_ pak cik saudara saya.

- ☐ A hak milik
- ☐ B hak cipta
- ☐ C hak asasi
- ☐ D hak mutlak

17. Segala \_\_\_\_\_ ditanggung oleh anak-beranak itu bersama-sama.

- ☐ A titik peluh
- ☐ B resah gelisah
- ☐ C masam manis
- ☐ D susah senang

18. Amalan \_\_\_\_\_ sempena musim perayaan dapat memupuk hubungan yang erat antara penduduk berbilang bangsa.

- ☐ A rumah tangga
- ☐ B rumah terbuka
- ☐ C tangan terbuka
- ☐ D rukun tetangga

19. Kami terpesona melihat \_\_\_\_\_ ruang tamu rumah Cikgu Nalina yang kemas dan bersih.

- ☐ A seni ukir
- ☐ B reka letak
- ☐ C reka bentuk
- ☐ D hiasan dalaman

20. Kita mestilah mempunyai \_\_\_\_\_ yang tinggi untuk berjaya dalam bidang yang diceburi.

- ☐ A nama baik
- ☐ B disiplin diri
- ☐ C buah fikiran
- ☐ D tipu muslihat